



TEBING Sungai Petagas dipenuhi sampah sarap yang dibuang penduduk tidak bertanggungjawab.

Putatan perlu sistem pembetungan sempurna

Oleh **NIKJASNICHEJAAR**
 nikjasni.ub@gmail.com
 UB 24/04/2012 A1

PUTATAN: Daerah ini belum mempunyai sistem pembetungan yang efektif dengan pelepasan buangan dialirkan terus ke sungai.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Yahya Hussin berkata walaupun Putatan sudah membangun, penduduk daerah terbabit belum mendapat sistem pembetungan dan rawatan air yang sempurna.

“Sudah banyak kawasan perumahan di Putatan, jabatan kerajaan seperti bangunan polis dan penjara juga ada tetapi kita masih tiada sistem pengurusan buangan yang baik.

“Kerana tiada kaedah yang betul, semua buangan dialirkan ke sungai tanpa dirawat terlebih dahulu,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan juga berkata keadaan itu menyebabkan wujudnya dakwaan Sungai Petagas telah tercemar.

Yahya berkata demikian ketika berucap melancarkan Fasa 1-Rancing Udang Gajah di Sungai Petagas, kelmarin.

Benih udang terbabit disediakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB).

Di samping itu, Yahya berkata, aktiviti menangkap ikan berlebihan menyebabkan sumber sungai dan laut semakin berkurangan.

Katanya, sikap gelojoh manusia menyebabkan hidupan itu tidak sempat membiak.

“Ada yang guna bom, racun atau peralatan lain yang boleh memusnahkan anak ikan.

“Tindakan seperti ini yang menyebabkan sumber ikan kita berkurangan. Sikap gelojoh ini perlu dihentikan,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Petagas.

Menjadikan Jepun sebagai contoh, beliau berkata negara terbabit amat menitikberatkan kebersihan laut mereka.

Kerana itu, katanya, Jepun mampu mengeluarkan hasil laut seperti ikan tuna yang mencecah harga jutaan ringgit seekor.

Sementara itu, beliau berkata langkah penubuhan jawatankuasa ‘tagal’ membolehkan pemantauan aktiviti menangkap ikan dilaksanakan.

Katanya, strategi inovatif juga boleh dijadikan pengurusan penyelesaian selain mengubah pendekatan pengurusan sumber kepada yang lebih baik.

Beliau juga memuji usaha UMS yang turut aktif mempromosikan



YAHYA (tengah) bersama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon (kiri) melepaskan benih udang ke Sungai Petagas.

pemuliharaan alam dan pengurusan sumber secara mampan.

Dalam pada itu, Yahya berharap lebih banyak program dan aktiviti oleh UMS dibawa ke daerah itu.

“Kerana Putatan berdekatan Kota Kinabalu, tidak banyak program sedemikian dibawa ke sini.

“Apabila menubuhkan universiti, Sepanggar dipilih, hab pendidikan pula di Sandakan dan banyak program lain tertumpu di pedalaman.

“Jadi, saya berharap agar Putatan juga dapat merasai sumbangan pakar-pakar yang ada di UMS sama ada dalam bidang pertanian, akuakultur atau bidang lain,” katanya.